

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

PDP 471 - Perspektif Sosial - falsafah dalam Pendidikan

Tarikh: 31 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

Jawab EMPAT soalan; SATU soalan dari Bahagian A, SATU soalan dari Bahagian B dan DUA soalan dari Bahagian C.

BAHAGIAN A (Pilih satu soalan)

1. Huraikan bagaimana pendidikan dapat menyumbang terhadap pembangunan ekonomi dan sosial sebuah negara. Kaitkan perbincangan anda dengan merujuk kepada Malaysia.

ATAU

(25 markah)

2. Bincangkan perubahan-perubahan penting yang telah berlaku dalam sistem pendidikan negara ini bermula dari 1969 hingga Laporan Jawatankuasa Kabinet 1980.

(25 markah)

BAHAGIAN B (Pilih satu soalan)

3. Huraikan ciri-ciri falsafah pendidikan Rousseau mengenai sifat-sifat semula jadi manusia dan bincangkan ide-idenya ini di dalam kontek teori-teori pendidikan semasa.

ATAU

(25 markah)

4. Mengikut Paulo Freire (1972), fungsi pendidikan adalah untuk tujuan penjinakan atau pembebasan manusia. Bincangkan pendapat tersebut dengan merujuk kepada teori konsentisasinya.

(25 markah)

.../-

- 2 -

BAHAGIAN C (Pilih 2 soalan sahaja)

5. Ramai Sarjana pencapaian mengutarakan 2 penjelasan yang agak bercanggah iaitu penjelasan Baka dan Penjelasan Alam Sekitar (Budaya, Nilai, Institusi, Norma). Pada fikiran anda yang mana SATU lebih munasabah? Dan kenapa? Berikan contoh serta bukti yang kukuh.

(25 markah)

6. Apakah aspek sosialisasi/pendidikan masyarakat primitif (tradisi) yang dapat dicontohi dalam usaha kita memperbaiki mutu amalan pendidikan kita sekarang ini?

(25 markah)

7. Salah satu masalah yang kerap dihadapi oleh guru di sekolah ialah masalah disiplin dan tingkah laku lencong. Terangkan dengan ringkas "teori" yang dapat menjelaskan berlakunya tingkah laku lencong di kalangan murid-murid sekolah.

(25 markah)

-ooooOoooo-